



KERATAN AKHBAR DAN MEDIA ONLINE UNTUK MAKLUMAN :

**Y.B. MENTERI
Y.B. TIMBALAN MENTERI
Y.BHG. KSU
Y.BHG. TKSU (PDN)
Y.BHG. TKSU (PPP)
SETIAUSAHA AKHBAR**

13 JANUARI 2023 (JUMAAT)



KERATAN AKHBAR DAN MEDIA ONLINE (KPDN)

13 JANUARI 2023 (JUMAAT)



Salahuddin (dua kanan) meninjau barang keperluan di sebuah pasar raya di Alor Setar, semalam
(Foto Luqman Hakim Zubir/BH)

8 jenis barang kawalan sempena perayaan diwarta

Alor Setar: Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sarra Hidup (KPDN) mewartakan lapan jenis barang dalam pelaksanaan Skim Harga Maksimum Musim Perayaan (SHMMP) Tahun Baharu Cina 2023 bermula 15 hingga 29 Januari ini.

Menterinya, Datuk Seri Salahuddin Ayub, berkata lapan barang itu ialah ikan bawal putih, udang putih dan bawang putih dari China.

"Selain itu barang berkenaan adalah ubi kentang import (China), kubis bulat import (Indonesia dan China tidak termasuk Beijing), babi hidup (kawalan di peringkat ladang saja), daging babi bahagian perut dan daging babi (daging dan lemak).

"Pihak penguatan kuasa kita akan memantau dan kawal harga ini untuk tujuh hari sebelum perayaan, sehari ketika perayaan dan tujuh hari selepas perayaan," katanya sebelum meninjau barang keperluan di sebuah pasar raya di sini, semalam.

Salahuddin berkata, harga maksimum di peringkat runcit yang ditetapkan bagi ikan bawal putih ialah RM42 sekilogram, manakala udang putih RM39 sekilogram, bawang putih (RM8.50) dan ubi kentang RM4 sekilogram.

Katanya, kubis bulat ditetapkan berharga RM4 sekilogram, babi hidup kawalan peringkat ladang sahaja RM15 sekilogram, daging babi bahagian perut RM36 sekilogram dan daging babi bahagian daging dan lemak RM25 sekilogram," katanya.

Sementara itu, Salahuddin berkata pihaknya meminta pengguna membuat laporan jika menghadapi masalah bekalan telur di kawasan mereka untuk tindakan segera diambil pihaknya.

"Sepanjang Ops Terjah, semalam (kelmarin) saya dapat laporan di Jempol (tempat yang kekurangan bekalan telur), sebelum itu berlaku di Johor Bahru dan di sempadan Kedah," katanya.

Telur kekal di bawah harga kawalan

ALOR SETAR: Telur akan kekal di bawah harga kawalan dan tidak akan diapungkan seperti dimahukan oleh pihak tertentu yang terlibat dalam sektor bekalan dan penjualan sumber protein tersebut.

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup, Fuziah Salleh berkata, situasi semasa kini menampakkan rakyat masih memerlukan supaya harga telur dikawal dan Perdana Men-

teri, Datuk Seri Anwar Ibrahim juga menyatakan hasrat agar kerajaan mengawal harganya.

"Ada dua perkara sebenarnya berkaitan isu ini iaitu pertamanya, bekalan telur yang mana kita kini sudah berada di fasa terakhir bagi menstabilkan bekalan. Keduanya dari sudut harga kawalan yang Perdana Menteri sendiri menampakkan hasrat dan semangat untuk kawal harga.

"Langkah ini bagaimanapun

bukanlah untuk selama-lamanya sebaliknya cuma sementara hingga ekonomi kita kembali pulih dan pengguna ada kuasa membeli. Setakat ini rakyat masih memerlukan harga telur yang dikawal. Disebabkan itu, kita masih berpegang kepada pendirian untuk mengekalkan apa yang ada sekarang (kawalan harga telur)," katanya.

Beliau berkata demikian selepas melancarkan 'aduan suri' dan peremajaan semula saluran

aduan kepenggunaan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Dan Kos Sara Hidup (KPDN) bersama Karnival Jualan Rahmah di sini semalam.

Laporan muka depan *Utusan Malaysia* hari ini menyebut, pengusaha ladang ayam penerburu mendesak kerajaan memansuhkan skim kawalan harga bekalan tersebut yang disifatkan sebagai sia-sia apabila negera turut mengimport produk berkenaan yang juga mahal.

HARI : JUMAAT
TARIKH : 13/1/2023
M/SURAT : 1

Kerajaankekalkantelurbarangkawalan,hargatakdiapungkan Nasional 15

Teliti dakwaan caj tersembunyi harga telur

Alor Setar: Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sarawak akan menyiasat lanjut dakwaan peniaga mengenakan caj tersembunyi bagi penjualan telur ayam.

Timbalan Menterinya, Fuziah Salleh, berkata ia hasil maklumat awal diterima pihaknya yang memaklumkan peniaga terpaksa mengenakan kos tambahan kepada pembeli disebabkan terpaksa menanggung kos yang tinggi.

Beliau berkata, peniaga tidak kira sama ada peniaga runcit atau kedai besar (pasar raya) tidak sepatutnya mengenakan caj tambahan memandangkan telur ayam adalah di bawah harga kawalan.

"Sekiranya barang itu di bawah harga kawalan, tidak kiralah yang berniaga itu kedai runcit atau kedai besar, harganya masih dikawal."

"Namun, kita juga ambil mak-



Fuziah (empat dari kiri) melihat barang di Karnival Jualan Rahmah, Kompleks Belia dan Sukan, Alor Setar, semalam. (Foto Zulkiifli/BH)

lum bahawa terdapat sesetengah kedai runcit yang menerima harga tinggi daripada pembekal menyebabkan mereka terpaksa menjual pada harga mahal.

"Jadi, siasatan sedang dilakukan bahagian penguat kuasa yang bertanggungjawab untuk menyiasat perkara itu dan kita akan tengok di lapisan mana

yang kenakan (caj) lebih itu," katanya selepas melancarkan Aduan Suri dan Peremajaan Semula Aduan KPDN 'Aduan Suri' sempena Karnival Jualan Rahmah di Kompleks Belia dan Sukan Alor Setar di Jalan Stadium, di sini, semalam.

Beliau berkata demikian ketika mengulas berkaitan kes peruncit diberikan notis berikutan mengenakan caj tambahan terhadap penjualan telur ayam di sekitar daerah Kubang Pasu, pada Isnin lalu.

Fuziah berkata, peruncit masih mampu mendapat keuntungan dengan harga kawalan telur ayam ditetapkan kerajaan sebelum ini.

"Namun, sebenarnya kita tidak menyahalahkan peruncit sebab mungkin dia sendiri dapatkan telur dengan harga mahal."

"Kita dapati ada beberapa kes sebegini, jadi kita perlu lihat dulu bekalan diperoleh dan peringkat mana yang kita boleh

perbaiki," katanya.

Peningkatan lebih 10 peratus
Sementara itu, di Kota Bharu, harga beberapa jenis sayuran tidak stabil dan menunjukkan peningkatan sehingga lebih 10 peratus sejak dua minggu lalu.

Tinjauan ke Pusat Transformasi Luar Bandar (RTC) Tunjong, semalam, mendapati antara sayur yang meningkat harganya adalah tomato yang sebelum ini dijual RM5 sekilogram dan meningkat kepada RM8 sekilogram.

Pemborong yang juga peruncit sayuran, Ariffin Ahmad, 40, berkata harga borong tomato meningkat sejak dua minggu lalu apabila peniaga mendapat harga RM7.90 sekilogram.

Katanya, harga tinggi itu menyebabkan peniaga dalam dilema kerana perlu menjual tidak melebihi RM8 seperti harga siling ditetapkan kerajaan.

Kerajaan terus kawal harga telur ayam

ALOR SETAR – Kerajaan masih berpegang kepada pendirian untuk tidak mengapungkan harga telur ayam seperti diminta pihak tertentu yang terlibat dalam sektor bekalan serta penjualan.

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sarawak, Senator Fuziah Salleh berkata, situasi semasa ketika ini memperihatkan rakyat masih memerlukan supaya harga telur dikawal.

Malah katanya, Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim juga menampakkan hasrat beliau agar kerajaan mengawal harga telur buat sementara waktu.

Menurutnya, terdapat dua perkara sebenarnya berkaitan isu tersebut iaitu pertamanya, mengenai bekalan telur yang mana negara kini sudah berada di fasa terakhir bagi menstabilkan bekalan.

"Boleh dikatakan kita kini sudah sampai ke penghujung fasa dan sudah tiba ke peringkat agak stabil.

"Keduanya daripada sudut harga kawalan yang mana Perdana Menteri sendiri menam-



FUZIAH (dua dari kanan) beramah mesra dengan peniaga pada Karnival Jualan Rahmah di Kompleks Belia dan Sukan di Alor Setar semalam.

pakkan hasrat dan semangat untuk mengawal harga. Langkah ini bagaimanapun bukanlah untuk selama-lamanya, sebaliknya cuma sementara hingga ekonomi kita kembali pulih dan pengguna ada kuasa membeli.

"Setakat ini rakyat masih memerlukan harga telur yang dikawal. Disebabkan itu, kita masih

berpegang kepada pendirian untuk menjelaskan apa yang ada sekarang (mengawal harga telur)," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang akhbar selepas melancarkan 'aduan suri' dan peremajaan semula saluran aduan kepenggunaan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sarawak.

Hidup bersempena Karnival Jualan Rahmah di Kompleks Belia dan Sukan, di sini semalam.

Sementara itu, Fuziah berkata, pihaknya sedang menyalasat pihak yang didakwa mengambil keuntungan lebih sehingga memaksa peruncit mengenakan caj-caj tertentu seperti caj pengendalian dan pengangkutan kepada pengguna.

Katanya, semakan pihaknya mendapati ada dalam kalangan pekedai dan peruncit terpaksa mengenakan caj tersebut kerana mereka sendiri mendapatkan bekalan telur pada harga jualan dan bukannya harga borong.

"Sepatutnya telur ini apabila sampai kepada peruncit, mereka masih boleh buat untung apabila dijual kepada pengguna tetapi sekarang ini kita ada terima aduan yang mereka pun memperolehi bekalan pada harga jualan.

"Apabila itu berlaku, kita pun tak salahkan peruncit sepenuhnya. Oleh itu siasatan sedang dijalankan untuk tengok lapisan mana yang mengambil 'lebih' kerana perkara ini tidak seharusnya dibiarkan," katanya.

Aduan Suri percepat maklum balas aduan pengguna

ALOR SETAR - Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) melancarkan QR Code saluran aduan melalui aplikasi WhatsApp dikenali Aduan Suri dalam usaha mendayaupayakan pengguna bagi memudahkan aduan dibuat.

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup, Fuziah Salleh memberitahu, inisiatif ini adalah bagi merasaskan hasrat KPDN untuk memberi maklum balas akuan penerimaan aduan secara segera dari satu hari kepada dua jam.

Jelasnya, inisiatif itu juga membantu mempercepatkan tindakan maklum balas atas aduan lengkap yang diterima dalam tempoh 14 hari berbanding 21 hari.

"Melalui mekanisme ini, pengadu hanya perlu mengimbas QR Code tersebut dan ia akan terus disalurkan ke aplikasi WhatsApp aduan KPDN.

"Dengan kemudahan ini, diharapkan pengguna dapat memanfaatkan semua saluran aduan disediakan dan membantu kerajaan dalam membanteras salah laku


peniaga atau sebarang pelanggaran terhadap undang-undang di bawah seliaan KPDN," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas Majlis Pelancaran Aduan Suri dan Peremajaan Semula Aduan KPDN Aduan Suri bersempena Karnival Jualan Rahmah di Kompleks Belia dan Sukan Alor Setar di Jalan Stadium, di sini pada Khamis.

Tambah Fuziah, usaha tersebut sekali gus turut membentuk masyarakat Malaysia yang mampu bertindak dan berdaya upaya dalam memperkasakan hak-hak sebagai pengguna.

Sehingga kini, katanya, sebanyak sembilan saluran aduan disediakan di peringkat kementerian.

"Antara saluran tersebut adalah talian WhatsApp (019-279 4317/ 019-848 8000); aplikasi telefon pintar EzAdu; portal e-Aduan: <https://e-aduan.kpdnhep.gov.my>; talian hotline: 1-800-886-800; emel (e-aduan@kpdn.gov.my) dan Pusat Perintah Penguatkuasaan (ECC) (03-8882 6245/ 6088)," katanya.



Fuziah (tengah) melancarkan Aduan Suri dan Peremajaan Semula Aduan KPDN Aduan Suri bersempena Karnival Jualan Rahmah di Kompleks Belia dan Sukan Alor Setar di Jalan Stadium, pada Khamis.

SUARA KONTEMPORARI
Kosmo!

HARI : JUMAAT
TARIKH : 13/1/2023
M/SURAT : 16

Senarai Harga Barang Keperluan	
Ayam	RM7.99
Daging Lembu Tempatan	RM44.29
Daging Lembu Import	RM63.90
Telur Gred A	RM13.50
Ikan Kembung	RM15.99
Minyak Masak	RM6.90
Gula Pasir	RM2.85
Bawang Besar Holland	RM3.99
Bawang Putih	RM4.88
Cili Merah	RM9.49
Kubis Bulat Tempatan	RM3.99
Tepung Gandum	RM3.35

*Harga (RM/kg) Sumber: KPDNHEP



KERATAN AKHBAR DAN MEDIA ONLINE (AGENSI KPDN)

13 JANUARI 2023 (JUMAAT)

Kementerian utama siasat kartel sektor makanan, pertanian

MyCC digesa perhebat usaha hapus kegiatan monopoli

Kuala Lumpur: Menyiasat aktiviti kartel dalam sektor makanan dan pertanian menjadi keutamaan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) pada tahun ini, kata Menterinya, Datuk Seri Salahuddin Ayub.

Beliau berkata, aktiviti kartel sudah terlalu lama mengambil kesempatan ke atas rakyat dan kerajaan, jadi sudah tiba masanya kegiatan tidak bermoril itu dihentikan.

Katanya, Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC) sudah melaksanakan pelbagai usaha dan tindakan terhadap kartel dengan monopolii membabitkan penalti kewangan bernilai kira-kira RM175 juta.

"Pencapaian ini mesti diteruskan. Kartel dan monopolii tidak boleh dibenarkan wujud kerana mereka mengganggu persaingan dalam pasaran

demi faedah syarikat perniagaan, sekali gus mempengaruhi kos sara hidup.

"Justeru saya menggesa MyCC memperhebat usahanya dalam menghapuskan kegiatan ini dan sebagai anggota Cabinet, saya memberi jaminan bahawa kerajaan akan memberi sokongan penuh kepada MyCC untuk menghapuskan atau mengurangkan kuasa kartel dan monopolii," katanya berucap merasmikan Siri Syarahan Kedua Profesor Richard Whish di sini, semalam.

Yang hadir sama, Ketua Pegawai MyCC, Iskandar Ismail.

Kawalan penggabungan

Salahuddin berkata, MyCC akan turut memfokuskan kepada usaha mewujudkan pengurangan kawalan penggabungan, memandangkan ia kini tiada dalam undang-undang persaingan di Malaysia.

Beliau berkata, penguatkuasaan kawalan penggabungan penting bagi memastikan pengguna tidak terjejas dengan monopolii baharu yang terhasil daripada penggabungan antara pemain utama industri.

"Kita melihat impak penggabungan (berciri) besar di seluruh dunia dan di negara ini.

Kita perlu ingat Malaysia adalah negara perdagangan dengan ekonomi yang berkembang. Kita tidak boleh ada penumpuan pasaran, terutama dalam bidang penting seperti perkhidmatan, peruncitan, makanan dan sektor pertanian.

"Jika tidak dikawal, penggabungan akan turut digunakan untuk menyamari pembentukan kartel. Oleh sebab itu MyCC mendapat sokongan penuh saya dalam perkara ini dan bersama-sama, kita akan memastikan pindaan Akta Persaingan 2010 dan Akta Suruhanjaya Persaingan 2010 dibentang di Parlimen secepat mungkin," katanya.

Bagi memastikan MyCC kekal relevan dengan trend semasa dan masa depan susulan ekonomi digital, Salahuddin berkata, badan kawal selia itu tidak lama lagi akan menjalankan kajian pasaran bagi mengetahui pasti punca sebenar dalam pasaran digital sedia ada yang menggugat persaingan.

"Ia akan melihat kepada struktur pasaran termasuk pengendalian syarikat, pembekal dan pengguna dalam rantai bekalan serta memberi cadangan sewajarnya," katanya.

BERNAMA

Ministry to focus on cartel activities

► Time to put an end to malpractices of manipulative groups that take advantage of people and govt, says minister

KUALA LUMPUR: Investigating cartel activities in the food and agriculture sector will be the utmost priority of the Domestic Trade and Cost of Living Ministry this year, said its minister Datuk Seri Salahuddin Ayub.

He said these cartels have been taking advantage of the people and the government for far too long, and it is time to put an end to the malpractice.

He added that the Malaysia Competition Commission (MyCC) has so far made various efforts and decisions on cartels and monopolies that have resulted in an estimated RM175 million in penalties.

"This track record must continue. Cartels and monopolies must not be allowed to exist as they disrupt competition in the market.

"Thus, I urge MyCC to step up its efforts to eradicate these

malpractices. As a Cabinet member, I can assure that the government will lend its full support for MyCC to eliminate, or if not, reduce the power of cartels and monopolies."

He addressed the issue in his speech while officiating at Professor Richard Whish's 2nd lecture series yesterday.

Salahuddin said MyCC would focus on getting a merger control regime in place, as this is currently a missing piece in Malaysia's competition law.

He said the merger control regime is crucial for the government as it would ensure that consumers are not affected negatively by new monopolies resulting from mergers between major players.

"We have seen the impact of big mergers around the world and in our beloved country. We have to remember Malaysia is a trading nation with a growing economy. We cannot afford to have market concentration, especially in crucial areas such as services, retail, food and agriculture sectors.

"If left unchecked, mergers can be used to camouflage the formation of cartels. Thus, MyCC has my full support in this and together, we will ensure that the amendments to the Competition Act 2010 and the Competition Commission Act 2010 are tabled in Parliament as soon as possible."

Salahuddin said to ensure that MyCC stays relevant with current and future trends in the digital economy, the regulatory body will soon be carrying out market reviews to identify the root cause within existing digital markets that distorts competition, Bernama reported.

"It will look into the structure of the market, including the conduct of enterprises, suppliers and consumers in the supply chain and come up with proper recommendations to correct market behaviour."



MEDIA ONLINE (KPDN)

13 JANUARI 2023 (JUMAAT)

BERITA ONLINE BERTARIKH 13 JANUARI 2023			
TARIKH	TAJUK	PAUTAN	MEDIA
13-Jan	KPDN fokus banteras aktiviti kartel	https://www.google.com/amp/s/www.sinarharian.com.my/ampArticle/240189	SH
13-Jan	Tumpu banteras monopoli, kartel tahun ini	https://www.google.com/amp/s/www.bharian.com.my/amp/berita/nasional/2023/01/1050931/tumpu-banteras-monopoli-kartel-tahun-ini	BH
13-Jan	Ministry to probe cartel activities in food, agri sectors	https://www.google.com/amp/s/www.nst.com.my/amp/news/nation/2023/01/869547/ministry-probe-cartel-activities-food-agri-sectors	NST
13-Jan	Ministry zeroes in on cartel activities, says Salahuddin	https://www.theedgemarkets.com/	THEEDGE MARKETS
13-Jan	KPDN Focusing on Combating Cartel Activities	https://www.businesstoday.com.my/2023/01/12/kpdn-focusing-on-combating-cartel-activities/	BUSINESSTODAY
13-Jan	KPDN sokong usaha MYCC hapuskan kartel dan salah guna kuasa monopoli	https://berita.rtm.gov.my/index.php/semasa/55108-kpdn-sokong-usaha-mycc-hapuskan-kartel-dan-salah-guna-kuasa-monopoli	BERITARTM
13-Jan	Ministry to probe cartel activities in food, agri sectors	https://www.google.com/amp/s/www.nst.com.my/amp/news/nation/2023/01/869547/ministry-probe-cartel-activities-food-agri-sectors	NST
13-Jan	Ministry zeroes in on cartel activities	https://m.malaysiakini.com/news/651293	MALAYSIAKINI
13-Jan	Ministry zeroes in on cartel activities	https://www.google.com/amp/s/www.astroawani.com/berita-malaysia/ministry-zeroes-cartel-activities-401523%3famp=1	ASTROAWANI

13-Jan	Kementerian akan siasat aktiviti kartel dalam sektor makanan, pertanian	https://suaramerdeka.com.my/kementerian-akan-siasat-aktiviti-kartel-dalam-sektor-makanan-pertanian/	SUARAMERDEKA
13-Jan	KPDN fokus banteras aktiviti kartel, kata menteri	https://www.themalaysianinsight.com/bahasa/s/422771	THEMALAYSIANINSIGHT
13-Jan	KPDN fokus banteras kartel	https://www.bernama.com/bm/am/news.php?id=2155568	BERNAMA
13-Jan	KPDN akan siasat punca sebenar caj tersembunyi jualan telur	https://www.sinarharian.com.my/article/240194/berita/nasional/kpdn-akan-siasat-punca-sebenar-caj-tersembunyi-jualan-telur	SH
13-Jan	400 papan telur ayam, 400 ayam habis dalam sejam	https://www.google.com/amp/s/www.bharian.com.my/amp/berita/nasional/2023/01/1050914/400-papan-telur-ayam-400-ayam-habis-dalam-sejam	BH
13-Jan	Ayam segar, telur ayam 'licin' dijual dalam sejam	https://www.google.com/amp/s/www.hmetro.com.my/amp/mutakhir/2023/01/924966/ayam-segar-telur-ayam-licin-dijual-dalam-sejam	HM
13-Jan	Ayam segar, telur ayam 'licin' dijual dalam sejam	https://www.google.com/amp/s/www.hmetro.com.my/amp/mutakhir/2023/01/924966/ayam-segar-telur-ayam-licin-dijual-dalam-sejam	HM
13-Jan	KPDN lancar SHMMP sempena Tahun Baharu Cina	https://www.google.com/amp/s/www.sinharharian.com.my/ampArticle/240246	SH
13-Jan	Penguat kuasa KPDN pantau harga 8 barang dalam SHMMP	https://www.google.com/amp/s/www.bharian.com.my/amp/berita/nasional/2023/01/1051073/penguat-kuasa-kpdn-pantau-harga-8-barangan-dalam-shmmp	BH
13-Jan	KPDN lists 8 items including white pomfret, pork meat under price control for CNY	https://dayakdaily.com/kpdn-lists-8-items-including-white-pomfret-pork-meat-under-price-control-for-cny/	DAYAKDAILY

13-Jan	KPDN warta 8 jenis barangan sempena Tahun Baharu Cina	https://www.buletintv3.my/nasional/kpdn-warta-8-jenis-barangan-sempena-tahun-baharu-cina/	BULETINTV3
13-Jan	Eight items listed under Maximum Price Scheme for CNY	https://selangorjournal.my/2023/01/eight-items-listed-under-maximum-price-scheme-for-cny/	SELANGORJOURNAL
13-Jan	8 barangan diwarta dalam skim kawalan harga Tahun Baharu Cina	https://malaysiaga-zette.com/2023/01/12/8-barangan-diwarta-dalam-skim-kawalan-harga-tahun-baharu-cina/	MALAYSIAGAZETTE
13-Jan	8 barangan bawah skim harga maksimum Tahun Baharu Cina	https://wartaoriental.com/2023/01/12/8-barangan-bawah-skim-harga-maksimum-tahun-baharu-cina/	WARTAOREINTAL
13-Jan	Daging babi antara barang kawalan sempena Tahun Baharu Cina	https://www.edisi9.com.my/2023/01/harga-8-jenis-barang-termasuk-daging-babi-dikawal-sempena-tahun-baru-cina/	EDISI9
13-Jan	Harga bawal, udang putih dikawal sempena Tahun Baharu Cina	https://www.kosmo.com.my/2023/01/12/harga-bawal-udang-putih-dikawal-sempena-tahun-baharu-cina/	KOSMO
13-Jan	Bawal, white shrimp, among 8 items placed under CNY price control scheme	https://www.google.com/amp/s/www.nst.com.my/amp/news/nation/2023/01/869654/bawal-white-shrimp-among-8-items-placed-under-cny-price-control-scheme	NST
13-Jan	Lapan barangan bawah skim harga maksimum Tahun Baharu Cina	https://www.utusan.com.my/nasional/2023/01/lapan-barangan-bawah-skim-harga-maksimum-tahun-baharu-cina/	UM
13-Jan	KPDN: Eight items listed under CNY Maximum Price Scheme	https://www.theborneopost.com/2023/01/12/kpdn-eight-items-listed-under-cny-maximum-price-scheme/	THEBIRNEOPOST
13-Jan	Penguat kuasa KPDN pantau harga 8 barangan dalam SHMMP	https://youtu.be/qgvcyZf2zOQ	HM

13-Jan	Welfare of hardcore poor a priority of government, says Anwar	https://www.thestar.com.my/news/nation/2023/01/12/welfare-of-hardcore-poor-a-priority-of-government-says-anwar	THESTAR
13-Jan	Golongan miskin tegar ketamaan Kerajaan Perpaduan - PM	https://bit.ly/3WkqcWt	SH
13-Jan	KPDN fokus banteras aktiviti kartel	https://www.google.com/amp/s/www.bharian.com.my/amp/berita/nasional/2023/01/1051065/kpdn-fokus-banteras-aktiviti-kartel	BH
13-Jan	KPDN fokus banteras aktiviti kartel	https://www.melakahariini.my/kpdn-fokus-banteras-aktiviti-kartel/	MELAKAHARINI
13-Jan	KPDN fokus banteras aktiviti kartel	https://www.bernama.com/bm/news.php?id=2155568	BERNAMA
13-Jan	KPDN fokus banteras aktiviti kartel	https://youtu.be/c21QmVxgE7I	HM
13-Jan	12 JANUARI 2023-BERITA PERDANA-KPDN FOKUS USAHA BANTERAS AKTIVITI KARTEL	https://youtu.be/27m_mvhgoB4	BERITARTM
13-Jan	KPDN to announce ceiling price of pork	https://www.theborneopost.com/2023/01/12/kpdn-to-announce-ceiling-price-of-pork/	THEBORNEOPOST
13-Jan	Karnival Jualan Rahmah	https://www.google.com/amp/s/www.sinarharian.com.my/ampArticle/240198	SH
13-Jan	KPDN lakukan siasatan caj tersembunyi penjualan telur ayam - Fuziah	https://www.google.com/amp/s/www.astroawani.com/berita-malaysia/kpdn-lakukan-siasatan-caj-tersembunyi-penjualan-telur-ayam-fuziah-401570%3famp=1	ASTROAWANI
13-Jan	KPDN bakal siasat punca sebenar peruncit kenakan caj tersembunyi ke atas telur ayam	https://berita.rtm.gov.my/~berita/index.php/semasa/55112-kpdn-bakal-siasat-punca-sebenar-peruncit-kenakan-caj-tersembunyi-ke-atas-telur-ayam	BERITARTM

13-Jan	KPDN akan siasat punca sebenar caj tersembunyi jualan telur	https://www.google.com/amp/s/www.sinarharian.com.my/ampArticle/240194	SH
13-Jan	Bekalan kian stabil, kerajaan kekal kawal harga telur	https://selangorkini.my/2023/01/bekalan-kian-stabil-kerajaan-kekalkawal-harga-telur/	SELANGORKINI
13-Jan	Govt not floating egg price, says Fuziah	https://www.thestar.com.my/news/nation/2023/01/12/govt-not-floating-egg-price-says-fuziah	THESTAR
13-Jan	Govt sticks to stance not to float price of eggs: Fuziah	https://www.thesundaily.my/local/govt-sticks-to-stance-not-to-float-price-of-eggs-fuziah-GM10492224	THESUNDAILY
13-Jan	Telur kekal di bawah harga kawalan	https://www.utusan.com.my/nasional/2023/01/telur-kekal-di-bawah-harga-kawalan/	UM
13-Jan	Deputy Minister: Govt sticks to stance not to float eggs prices	https://www.theborneopost.com/2023/01/12/minister-govt-sticks-to-stance-not-to-float-eggs-prices/	THEBORNEOPOST
13-Jan	Price of eggs won't be floated for now: Fuziah	https://www.thevibes.com/articles/business/82581/price-of-eggs-wont-be-floated-for-now-fuziah	THEVIBES
13-Jan	Putrajaya against floating egg prices, says deputy minister	https://www.google.com/amp/s/www.malaymail.com/amp/news/malaysia/2023/01/12/putrajaya-against-floating-egg-prices-says-deputy-minister/49852	MALAYMAIL
13-Jan	PGIRM serah rayuan KWSP ber-sasar kepada KPDN	https://www.google.com/amp/s/www.hmetro.com.my/amp/mutakhir/2023/01/925059/pgirm-serah-rayuan-kwsp-bersasar-kepada-kpdn	HM